

Kini berpeluang wakili S'pura



TERPILIH KERANA BAKAT: Herwan Nulhaqiem Mas'at (lima dari kiri) serta Muhammad Fadhil Abdul Latif (tiga dari kiri) merupakan di antara pemain di acara Kejohanan Futsal Nasional 2015 yang dipilih Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS) untuk menyertai skuad latihan pasukan futsal nasional. – Foto HERWAN NULHAQIEM BIN MAS'AT



DARRIN DANIAL: Tidak menjangka dipilih. – FOTO TNP



**Disokong oleh
Dana Sambutan SG50**

5 Jun 2015

SITI AISYAH NORDIN

BELIAU telah menyertai acara tersebut tanpa harapan untuk menang, apatah lagi menjadi salah seorang pemain yang dipilih Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS) bagi menyertai skuad latihan pasukan futsal nasional.

Namun Darrin Danial, 18 tahun, berasa bersyukur kerana bukan sahaja pasukannya, Magnum 1 dinobatkan sebagai juara kategori 18 tahun kebawah (U-18) dalam Kejohanan Futsal Nasional 2015, malah bakat beliau juga telah dikenal pasti oleh pegawai FAS yang memerhatikan aksinya di padang.

"Sememangnya ini bukan sesuatu yang saya jangkakan, kerana saya tidak rasa seperti seorang pemain yang akan dipilih," ujar pelajar ITE College Central itu.

Darrin pada mulanya tidak begitu minat untuk menerima tawaran tersebut, kerana beliau 'tawar hati' untuk menyertai kelab bola sepak setelah penyertaannya ditolak oleh salah sebuah kelab dua tahun lalu.

"Mulanya saya beritahu mereka saya tak minat, namun mentor saya beritahu peluang ini hanya akan datang sekali sahaja. Galakan diberikan beliau, ibu, serta kawan-kawan mendorong saya untuk menerima tawaran tersebut," ujarnya.

Memandangkan beliau bakal melibatkan diri dalam bola sepak secara 'serius', beliau berazam akan memberikan yang terbaik dan kekal komited tanpa menjejaskan pelajarannya.

Herwan Nulhaqiem Mas'at, 31 tahun, yang mewakili pasukan Angkatan Karyawan Islam (AMP) dalam kategori 35 tahun ke bawah, juga merupakan antara yang dipilih FAS menyertai skuad latihan pasukan futsal nasional itu.

Menurutnya, beliau terkejut dipilih namun berasa amat teruja memandangkan beliau sedar terdapat banyak bakat yang terserlah semasa acara itu.

"Seorang pegawai FAS mendekati saya dan memperkenalkan dirinya sebagai salah seorang jurulatih pasukan nasional dan menyatakan beliau akan menghubungi saya untuk menghadiri latihan selepas ini," kata Herwan yang bertugas sebagai pegawai belia di AMP.

"Ini merupakan tiket emas untuk mencapai sesuatu yang telah diimpikan sejak zaman kanak-kanak lagi," tambahnya.

Rakan sepasukan Herwan dan seorang lagi yang dipilih, Muhammad Fadhil Abdul Latif, 26 tahun, berkata beliau sama sekali tidak sedar terdapat pegawai FAS yang mencari bakat di kejohanan itu.

"Pada hari kedua acara, sejeurus selepas menjanginkan apa yang saya rasakan seperti gol terbaik dalam hidup saya, seorang pegawai mengucapkan tahniah dan meminta butiran saya," ujar jururawat Hospital Besar Changi (CGH) itu.

"Saya masih terkejut. Memang impian saya untuk mewakili negara. Saya pernah kejar impian ini semasa bermain untuk Liga Perdana (Prime League) sebelum ini. Jadi pemilihan ini seperti suatu panggilan (untuk mengejar impian itu)," ujarnya yang bermain untuk pasukan AMP yang telah memenangi tempat ketiga dalam pusingan 'plate'.

Mereka yang terpilih bakal menyertai skuad latihan pasukan futsal nasional yang bakal bersaing dalam Kejohanan Futsal AFF di Indonesia Oktober ini.